



Nasrol **berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat dengan ibunya** ketika hadir ke Majlis Konvokesyen UPM Ke-39.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

Ibu bapa OKU penguat semangat Nasrol genggam ijazah

Serdang: Kesulitan hidup sepanjang pengajian apabila terpaksa mengikat perut demi berjimat wang hasil kerja sambilan dan bantuan pinjaman demi meringankan beban ibunya, membuatkan pengorbanan Nasrol Wahab, begitu berbaloi.

Nasrol, 24, graduan Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah anak sulung dalam keluarga enam beradik.

Katanya, keluarga adalah keutamaan dan menjadi tanggungjawabnya membantu ibu, Rosilawati Mat Isa, 45, dan adik-adik yang lain, selepas kematian ayahnya pada tahun 2009.

“Selepas ayah meninggal dunia enam tahun lalu, saya mengambil alih tugas membantu ibu kerana adik-adik masih belajar.

Bantu bayar yuran sekolah adik

“Saya juga mendapat bantuan seperti zakat UPM dan pinjaman pelajaran. Sebahagian duit itu saya guna untuk membantu keluarga termasuklah membayar yuran persekolahan adik-adik,” katanya ketika ditemui di UPM, di sini semalam.

Nasrol berkata, ibu dan arwah ayahnya adalah orang kurang upaya (OKU) iaitu bisu, menyebabkan mereka bergantung kepada wang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meringankan beban keluarga.

Katanya, semangat menghabiskan pengajian datang daripada ibunya yang tidak henti-henti menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) bertanyakan tentang pelajarannya.

“Selain ibu, arwah ayah juga banyak memberi inspirasi kepada saya. Pada satu ketika, arwah ayah pernah menunjukkan bahasa isyarat ketika dia nampak kapal terbang membuat penerbangan.

“Isyarat itu bermaksud dia mahu saya menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi,” katanya sambil ditemani ibunya. Beliau juga akan menyambung pelajaran di peringkat sarjana mulai tahun hadapan.

Rosilawati ketika ditemui melahirkan rasa bangga dengan pencapaian anak sulungnya itu yang banyak membantu dia dan anak-anaknya yang lain.